



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الجامعية الإسلامية العالمية سنجلانجور
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

BUKU PANDUAN GRADUAN

MAJLIS KONVOKESYEN KE-20



Di sini lahirnya...

DA'I, ULAMA & UMARA'

Assalamualaikum wrt. wbt

Para Graduan yang Budiman

MAJLIS KONVOKESYEN KUIS

Terlebih dahulu pihak KUIS ingin merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan saudara/ saudari. **Majlis Konvokesyen KUIS Ke-20 akan diadakan di Pusat Konvensyen KUIS (PKK) pada 21 dan 22 Oktober 2017 bersamaan 1 dan 2 Safar 1439H.**

1.0 PENGESAHAN KEHADIRAN

- 1.0 Borang Pengesahan Kehadiran Graduan perlu diisi dengan lengkap dan dihantar dengan kadar segera (Borang dilampirkan bersama buku ini). Borang Pengesahan Kehadiran Graduan boleh juga dimuat turun melalui laman web KUIS.
- 2.0 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan mengikut sesi yang ditetapkan.
- 3.0 Graduan tidak dibenarkan menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun mewakulkan kepada orang lain bagi menghadiri Majlis Konvokesyen.

2.0 RINGKASAN ATUR CARA MAJLIS

Panduan kepada graduan yang akan mengambil bahagian dalam **Majlis Konvokesyen KUIS**

- 2.1 Para graduan dikehendaki berkumpul dengan berpakaian lengkap pakaian akademik graduan di **belakang** Pusat Konvensyen KUIS pada waktu yang ditetapkan. Para graduan diingatkan supaya tidak melengahkan masa untuk berkumpul.
- 2.2 Semasa proses penyusunan perbarisan graduan, nama akan dipanggil mengikut nombor giliran masing-masing. Nombor giliran boleh diperolehi semasa pengambilan jubah. Semasa dalam barisan, **KAD NAMA** akan diberi kepada setiap graduan. **SILA SIMPAN KAD TERSEBUT DAN BAWA BERSAMA KE ATAS PENTAS.**
- 2.3 Semasa majlis penganugerahan, nama graduan akan diumumkan untuk menerima Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma masing-masing.

Apabila nama graduan diumumkan, graduan diminta berjalan terus ke arah Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor/ Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), tunduk sebagai tanda hormat, **berjabat tangan** (graduan lelaki sahaja) dan menerima Ijazah Sarjana/ Sarjana Muda atau Diploma dengan kedua belah tangan dan beri ucapan

“**Terima Kasih**” kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar Selangor/ Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

3.0 SOLAT ZOHOR

Bagi graduan sidang petang, sila pastikan anda mendaftar diri dan mengambil kad nama sebelum menunaikan Solat Zohor. Sebaik sahaja selesai solat para graduan dikehendaki segera masuk ke dalam barisan mengikut susunan yang telah ditetapkan semasa mendaftarkan diri. Para graduan yang didapati tidak kembali dalam barisan 15 minit selepas Solat Zohor tidak akan dibenarkan masuk ke dalam dewan.

Untuk maklumat ibubapa dan para jemputan, kolej universiti mempunyai sebuah masjid. Tuan/Puan bolehlah berkunjung ke Masjid Al-Azhar untuk menunaikan solat atau menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan.

4.0 BAYARAN GRADUASI DAN SEWAAN JUBAH AKADEMIK GRADUAN

4.1 Bayaran graduasi bagi graduan KUIS adalah berjumlah **RM350.00**.

KAEDAH BAYARAN

1. Secara **TUNAI** di kaunter bayaran Pejabat Bendahari KUIS.

Waktu Operasi Kaunter bayaran **TUNAI** Pejabat Bendahari :

Hari	Masa
Isnin - Khamis	9.00 Pagi – 3.00 Petang
Jumaat	8.30 pagi – 12.30 T/hari

2. Melalui Perbankan Internet (Internet Banking)/ Cash Deposit

Bayaran ke akaun Bank Islam atas nama **KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR/ KUIS**

No.Akaun: 12029010058352

(**No Akaun ini adalah berbeza dengan no akaun yang biasa digunakan bagi bayaran yuran pengajian sebelum ini**)

Sila pastikan no akaun adalah betul seperti diatas dan hantar bukti pembayaran melalui email studentfinance@kuis.edu.my bagi penyelarasan penyata yuran dan pengeluaran resit (resit hanya akan dikeluarkan selepas transaksi diterima dalam penyata bank KUIS

Graduan yang mendapat **HPNG 3.75** ke atas pada semester terakhir dikecualikan dari caj bayaran graduasi walaubagaimanapun Yuran Alumni RM25.00 perlu dibayar. Pengecualian caj tidak tertakluk kepada pelajar Kolej Teknologi Darul Naim.

4.2 Tarikh pengambilan jubah akademik graduan adalah mengikut ketetapan berikut :

HARI PERTAMA	Program Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana
	FSU & FSTM
Tempat	Dewan Teater, Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS
Tarikh	16 Oktober 2017 (Isnin)
Masa	9.00 pagi – 4.00 petang (REHAT 1.00 – 2.00 petang)

HARI KEDUA	Program Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana
	FPM & FP
Tempat	Dewan Teater, Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS
Tarikh	17 Oktober 2017 (Selasa)
Masa	9.00 pagi – 4.00 petang (REHAT 1.00 – 2.00 petang)

HARI KETIGA	Program Diploma dan Sarjana Muda
	FPPI & Diploma Eksekutif (KUISCELL)
Tempat	Dewan Teater, Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS
Tarikh	19 Oktober 2017 (Khamis)
Masa	9.00 pagi – 4.00 petang (REHAT 1.00 – 2.00 petang)

PERHATIAN

- Sila serahkan slip yang telah diberi.
- Sila pastikan pakaian konvokesyen yang diterima adalah lengkap iaitu jubah, hood serta mortar board (bagi graduan Sarjana dan Sarjana Muda) dan jubah serta mortar board (bagi graduan Diploma)
- Graduan hanya dibenarkan mengambil jubah akademik graduan **mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan sahaja.**
- Graduan digalakkan mengambil jubah akademik graduan sendiri untuk menentukan saiz yang sesuai. Tiada urusan penukaran jubah selepas jubah diterima oleh graduan.
- **Graduan tidak dibenarkan mengubah suai mana-mana bahagian pakaian akademik yang dipinjam.**

NOTA : Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen KUIS – BPA_PEP_36 dan Borang Wakil Pengambilan/ Pemulangan Jubah BPA_PEP_39 disertakan bersama surat jemputan.

5.0 PEMULANGAN JUBAH AKADEMIK DAN PENGAMBILAN GAMBAR

5.1 Jubah akademik graduan mestilah dipulangkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan:

HARI PERTAMA	Program Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana
	FSU & FSTM
Tempat	Dewan Teater, Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS
Tarikh	24 Oktober 2017 (Selasa)
Masa	9.00 pagi – 4.00 petang (REHAT 1.00 – 2.00 petang)

HARI KEDUA	Program Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana
	FPM & FP
Tempat	Dewan Teater, Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS
Tarikh	25 Oktober 2017 (Rabu)
Masa	9.00 pagi – 4.00 petang (REHAT 1.00 – 2.00 petang)

HARI KETIGA	Program Diploma dan Sarjana Muda
	FPPI & Diploma Eksekutif (KUISCELL)
Tempat	Dewan Teater, Tingkat 1, Pusat Konvensyen KUIS
Tarikh	26 Oktober 2016 (Khamis)
Masa	9.00 pagi – 4.00 petang (REHAT 1.00 – 2.00 petang)

5.2 Penalti akan dikenakan dalam kes-kes berikut

BIL	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Lewat memulangkan jubah akademik (kadar sehari lewat, termasuk hari minggu/ cuti am)	10.00
2.	Denda rosak/ hilang jubah	500.00
3.	Denda rosak/ hilang mortar board	100.00
4.	Denda rosak/ hilang hood	100.00

NOTA: Bayaran denda lewat boleh dibuat pada setiap hari Isnin – Khamis (9.00 pagi – 3.00 Petang) dan hari Jumaat (8.30 pagi – 12.30 petang) di Kaunter bayaran Pejabat Bendahari. Denda lewat turut mengambil kira hari minggu/ cuti am.

- 5.3 Sekiranya anda tidak dapat memulangkan Jubah graduan dalam tempoh yang ditetapkan di atas sebab-sebab tertentu, anda boleh mewakilkan kepada orang lain untuk memulangkannya.

6.0 TUNTUTAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 6.1 Sijil dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan pakaian akademik (mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak kolej universiti).
- 6.2 Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Sijil dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, ianya boleh dituntut dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh Majlis Konvokesyen di Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA). Pihak Kolej Universiti tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/ kehilangan dan sebagainya ke atas Sijil dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan di atas.
- 6.3 Sila kemukakan **Resit Rasmi KUIS (bayaran graduasi)** dan slip pemulangan jubah graduan apabila berurusan mendapatkan Sijil dan Transkrip Akademik.
- 6.4 Graduan boleh mewakilkan orang lain untuk mengambil Sijil dan Transkrip dengan cara **mengisi Borang Surat Kuasa Pengambilan Sijil dan Transkrip Akademik BPA_PEP_38** serta mengemukakan salinan kad pengenalan graduan dan juga wakil dan resit bayaran graduasi.
- 6.5 Sijil dan Transkrip Akademik juga boleh dimohon (kaedah pengeposan) melalui **Borang Permohonan Skrol dan Transkrip Akademik BPA_PEP_42** dengan menyertakan salinan **kad pengenalan, resit rasmi KUIS (bayaran graduasi) dan alamat terbaru beserta wang pos sebanyak RM10.00**. Pihak Kolej Universiti tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan/ kerosakan Sijil dan Transkrip Akademik yang dituntut melalui pos.
- 6.6 Para graduan **perlu menjelaskan yuran pengajian tertunggak dan yuran graduasi sebelum dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen serta mengambil Sijil dan Transkrip Akademik**. (Peraturan Akademik KUIS Pindaan 2011: 6.3 (d) dan (e))
- 6.7 Bagi graduan yang tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, Sijil dan Transkrip Akademik tidak diposkan kepada mereka kecuali setelah membuat permohonan menggunakan **Borang Permohonan Skrol dan Transkrip Akademik BPA_PEP_42** dan mematuhi perkara 6.2, 6.3, 6.4 dan 6.5 di atas.

Nota : Borang permohonan Skrol dan Transkrip Akademik BPA_PEP_42 boleh diperolehi di laman web KUIS www.kuis.edu.my

7.0 KEHILANGAN SIJIL IJAZAH DAN DIPLOMA

Polisi KUIS telah menetapkan bahawa Sijil Ijazah dan Diploma cuma dikeluarkan **sekali sahaja** kepada graduan dan tiada sebarang penggantian dibuat sekiranya dokumen ini hilang atau rosak. Oleh itu para graduan dinasihatkan menyimpannya dengan baik dan selamat serta membuat salinan yang mencukupi.

Sekiranya Sijil Ijazah dan Diploma hilang atau rosak, pihak Kolej Universiti akan mengenakan caj sebanyak **RM50.00** berserta satu laporan polis untuk cabutan Sijil Ijazah dan Diploma. Manakala bagi cabutan Transkrip Akademik, bayaran sebanyak **RM20.00** dikenakan beserta satu laporan polis.

Cabutan Sijil dan Transkrip Akademik boleh dikeluarkan dalam tempoh satu (1) minggu selepas menerima permohonan melalui Borang Permohonan Skrol dan Transkrip Akademik yang terdapat di Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA).

8.0 KESILAPAN MAKLUMAT DALAM IJAZAH, DIPLOMA DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Sebaik sahaja menerima sijil dan transkrip akademik, setiap graduan perlu menyemaknya untuk mengenalpasti sebarang kesilapan. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat dalam Sijil atau Transkrip Akademik ianya akan diganti baru dengan syarat kesilapan itu berpunca daripada KUIS dan hendaklah dilaporkan secara bertulis dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh konvokesyen. Selepas tempoh ini, Sijil dan Transkrip Akademik tidak lagi dikeluarkan.

9.0 IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR.

Kelas Kepujian	Himpunan Purata Nilai Gred
Pertama	3.75 - 4.00
Kedua (Atas)	3.00 - 3.74
Kedua (Bawah)	2.00 - 2.99

10.0 RAPTAI

Untuk memastikan supaya Majlis Konvokesyen berjalan dengan lancar, semua graduan **DIWAJIBKAN** menghadiri raptai pada

Tarikh : **20 Oktober 2017 (Jumaat)**
Masa : **8.30 Pagi**
Tempat : **Pusat Konvensyen KUIS**

11.0 KAD JEMPUTAN

Setiap graduan akan diberi satu kad jemputan untuk dua (2) orang tetamu menghadiri Majlis Konvokesyen KUIS ke-20. Kad jemputan tetamu diserahkan semasa pengambilan jubah. Para tetamu yang **tidak membawa kad jemputan** tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.

12.0 LALUAN MASUK DAN TEMPAT LETAK KERETA GRADUAN

12.1 Laluan Masuk Kenderaan Graduan dan Tetamu Ke Dalam Kampus

Sila patuhi arahan Pengawal Keselamatan yang bertugas bagi urusan keluar masuk kenderaan tuan/ puan.

12.2 Tempat Letak Kenderaan Graduan, Ibumapa/ Tetamu graduan

Tempat meletak kenderaan akan disediakan di zon-zon yang bersesuaian sepertimana yang ditetapkan oleh Seksyen Keselamatan KUIS (sila rujuk laman web KUIS untuk maklumat lanjut berhubung zon meletak kenderaan). Semua kenderaan graduan, ibubapa/ tetamu graduan hendaklah ditempatkan di zon-zon yang disediakan berdasarkan arahan daripada Pengawal Keselamatan yang bertugas. Sila patuhi arahan Pengawal Keselamatan yang bertugas bagi melicinkan urusan meletak kenderaan tuan/ puan.

*Sebarang pemakluman dan pindaan kepada zon meletak kenderaan akan dimaklumkan melalui laman web rasmi KUIS (www.kuis.edu.my)

Bagi **Sidang Petang, sila datang awal bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas di laluan utama KUIS.

13.0 PAKAIAN IBUBAPA/ TETAMU

Ibubapa/tetamu (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas) diminta berpakaian rasmi seperti berikut-

Pakaian Tetamu Lelaki:

- Kebangsaan, atau
- Batik, atau
- Sut gelap, atau
- Pakaian Rasmi yang sesuai (seluar '*Jeans*' dan Kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**)
- Kasut bertutup (Selipar atau sandal **TIDAK DIBENARKAN**)

Pakaian Tetamu Wanita:

- Kebangsaan, atau
- Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (Pakaian gaun atau 'skirt', 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**)
- Menutup aurat
- Berkasut (Selipar **TIDAK DIBENARKAN**)

PENTING

- Kanak-kanak **di bawah umur 12 tahun** tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- Para ibubapa/ tetamu yang tidak mematuhi etika pakaian boleh dihalang dari memasuki dewan Majlis.

14.0 RAWATAN KECEMASAN

14.1 PBSM bertugas dari 8.00 pagi hingga 5.30 petang semasa Majlis Konvokesyen untuk memberi rawatan kecemasan (sahaja) kepada graduan dan juga tetamu graduan. Tempat operasi adalah di belakang PKK. Sila hubungi urusetia bertugas sekiranya anda atau keluarga memerlukan rawatan kecemasan. Sekiranya anda atau keluarga mengalami masalah gastrik **pastikan anda makan terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan** di mana-mana kedai makan atau di kafeteria yang terdapat di KUIS.

MASALAH KESIHATAN (Graduan Kelainan Upaya/ Mengandung)

Sekiranya graduan mengalami masalah kesihatan yang ketara dan bermasalah untuk beratur dan berjalan dalam perbarisan memasuki dewan seperti tidak upaya berjalan, graduan wanita yang mengandung, wanita yang baru lepas bersalin atau memakai kerusi roda, sila lapor kepada urusetia yang bertugas mengatur perbarisan graduan di bangunan atau di pintu masuk Pusat Konvensyen KUIS.

15.0 PAKAIAN PARA GRADUAN

15.1 Pakaian Graduan Lelaki:

- Jubah akademik, mortar board dan hood (disediakan oleh Kolej Universiti).
- Sepasang Baju Melayu (warna bebas) berbutang lima dan bersamping songket (Baju Melayu Johor/ leher Teluk Belanga **TIDAK DIBENARKAN**), atau
- Sut gelap
- Kasut kulit hitam dan stokin gelap.

15.2 Pakaian Graduan Perempuan:

- Jubah akademik, mortar board dan hood (disediakan oleh Kolej Universiti)
- Baju kurung atau jubah. Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- Warna pakaian bebas. Kain jenis 'lace' boleh dipakai dengan syarat ada 'lining'.
- Tudung kosong (warna *pastel* sahaja) dan tidak bercorak.
- Kasut bertumit tinggi tidak melebihi 2 inci, bertutup, warna gelap dan bersarung kaki.
- **Sopan dan menutup aurat**

16.0 PENAMPILAN

16.1 Sahsiah Graduan Lelaki:

Rambut lelaki hendaklah **pendek dan kemas**, tidak menjejaki kolar baju.

16.2 Sahsiah Graduan Perempuan:

Pakaian hendaklah menepati syariah.

Pakaian yang menutup muka adalah **TIDAK DIBENARKAN**.



**CONTOH PEMAKAIAN JUBAH LELAKI
(SARJANA dan SARJANA MUDA)**



**CONTOH PEMAKAIAN JUBAH PEREMPUAN
(SARJANA DAN SARJANA MUDA)**



**CONTOH PEMAKAIAN JUBAH LELAKI
(DIPLOMA)**



**CONTOH PEMAKAIAN JUBAH PEREMPUAN
(DIPLOMA)**

GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI YANG DITETAPKAN, TIDAK AKAN DIBENARKAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN.

17.0 PENGAMBILAN GAMBAR MAJLIS KONVOKESYEN

Para graduan **tidak dibenarkan mengambil gambar** atau mendapatkan bantuan orang lain untuk berbuat demikian semasa majlis berlangsung di dalam dewan. Semua gambar semasa Majlis Konvokesyen akan dikendalikan oleh syarikat fotografi yang dilantik oleh KUIS. Para graduan akan dibekalkan kupon nombor selepas menerima sijil sewaktu Majlis Konvokesyen sedang berlangsung sebagai rujukan semasa pembelian gambar.

Bagi graduan yang berminat untuk membeli gambar, ianya boleh dituntut di Pusat Konvensyen KUIS semasa hari pemulangan jubah dengan membawa kupon nombor tersebut.

NOTA: Tarikh dan lokasi adalah sama seperti tarikh pemulangan jubah akademik. Sila rujuk perkara 5.1.

18.0 RESIT BAYARAN KONVOKESYEN

Resit Rasmi KUIS akan diserahkan kepada graduan setelah graduan membuat bayaran mengikut kaedah bayaran yang telah ditetapkan. (bagi bayaran melalui perbankan internet, resit hanya akan dikeluarkan selepas transaksi diterima daripada penyata bank KUIS). Pembayaran terakhir perlu dibuat sebelum atau pada 9 hb Oktober 2017 (Isnin)

19.0 KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPT / TRACER STUDY (SECARA ONLINE)

Semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah diarahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjalankan Kajian Pengesanan para Graduan (*Tracer Study*). Kajian ini adalah untuk mengukur tahap *employability* dan *marketability* serta mengumpul maklumat bagi tujuan menilai kualiti program yang ditawarkan dan perkhidmatan yang diberikan oleh setiap IPT.

Semua graduan diwajibkan melengkapkan maklumat Kajian Pengesanan Graduan IPT melalui laman web <http://graduatohe.gov.my> yang akan dibuka lebih kurang satu bulan daripada tarikh Majlis Konvokesyen. Tuan/Puan juga diwajibkan untuk melengkapkan maklumat **Borang Kaji Selidik Alumni KUIS 2017** melalui pautan URL <http://goo.gl/forms/Mjdcmg0gvqQWOJT2> Tuan/puan adalah dikehendaki membawa **Cetakan Slip Pengesanan Kajian (*Tracer Study*)** yang telah dilengkapi **semasa mengambil jubah graduasi**.

20.0 PERTANYAAN/ MAKLUMAT LANJUT

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik melalui:

Telefon : 03-89117000 samb. 1208, 1209, 1218 dan 3325.
Faks : 03-89257677
E-mail : konvo@kuis.edu.my

Sekalung tahniah diucapkan sekali lagi kepada semua graduan dan selamat menerima Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma. Sekian, terima kasih.

Daripada,

**Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan,
Bahagian Pengurusan Akademik
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**

PERHATIAN : SILA AWASI BARANG-BARANG BERHARGA ANDA SEMASA BERADA DI DALAM DEWAN. PIHAK KUIS TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS KEHILANGAN BARANG-BARANG BERHARGA TERSEBUT.

CARTA ALIR GRADUAN

PROSES PENGAMBILAN JUBAH AKADEMIK GRADUAN

PROSES 1

KAUNTER PEJABAT BENDAHARI,
SEKSYEN BIASISWA & TAJAAN (BPM)
BANGUNAN PENTADBIRAN

PROSES 2


BILIK BUNGA ANGGERIK,
BANGUNAN PENTADBIRAN

PROSES 3 HINGGA 5

BILIK JUBAH DAN DEWAN TEATER,
ARAS 1, PUSAT KONVENSYEN KUIS

1. Kaunter Pejabat Bendahari & Seksyen Biasiswa & Tajaan (BPM)

- Semakan Hutang dan bayaran yuran graduasi.
- Semakan pembayaran yuran bagi pelajar mendapat tajaan zakat/MARA & etc (Selain PTPTN)



2. Kaunter Seksyen Alumni & Rundingcara (BPM)

- Penyerahan Borang Tracer Study dan Borang Pendaftaran Alumni
- Pengambilan Cenderahati Alumni




3. Kaunter Bahagian Pemasaran & Komunikasi

Pengambilan Kad Jemputan dan Tag nama graduan



4. Kaunter Bahagian Pengurusan Akademik

Penyerahan Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen KUIS, Borang Pinjam Jubah Graduan dan Pemotongan Kad Pelajar




5. Pengambilan Jubah Graduan

PERHATIAN : SILA AMBIL PERHATIAN, GRADUAN YANG TIDAK MELENGKAPKAN PROSES SEPERTI DI NYATAKAN DI ATAS, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** MENGAMBIL JUBAH AKADEMIK.

PROSES PEMULANGAN JUBAH AKADEMIK GRADUAN, PENGAMBILAN TRANSKRIP DAN SIJIL AKADEMIK.


**KAUNTER PEMULANGAN JUBAH AKADEMIK
Dewan Teater Aras 1, Pusat Konvensyen KUIS**



- Pastikan jubah dalam keadaan baik
- Borang penalti/ denda akan diberi jika lewat atau berlaku kerosakan pada jubah akademik
- Slip pengesahan pemulangan jubah akan diberikan



**KAUNTER SIJIL & TRANSKRIP AKADEMIK
Dewan Teater Aras 1, Pusat Konvensyen KUIS**



- Serahkan Slip Pengesahan Pemulangan Jubah
- Tunjukkan Resit bayaran graduasi
- Sijil dan Transkrip Akademik akan diserahkan kepada graduan

PERHATIAN : WAKIL GRADUAN JUGA MELALUI PROSES YANG SAMA. SILA RUJUK PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN DALAM PERKARA 5.0 DAN 6.0

CARTA ALIR BAGI GRADUAN YANG TIDAK DAPAT HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN

**KAUNTER PEJABAT BENDAHARI
BLOK PENTADBIRAN**

- Semak dan jelaskan tunggakan yuran (jika ada)
- Jelaskan bayaran graduasi RM350.00
- Sahkan bayaran di borang ***Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen KUIS BPA_PEP_36***



**KAUNTER SEKSYEN ALUMNI &
RUNDINGCARA (BPM)**

- Penyerahan Borang *Tracer Study* dan Borang Kaji Selidik Alumni KUIS
- Mengambil Cenderamata Alumni KUIS
- Sahkan Borang Pengesahan Bayaran Graduasi BPA_PEP_37



**SEKSYEN PEPERIKSAAN DAN
PENGIJAZAHAN, BPA**

- Serahkan ***Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen KUIS BPA_PEP_36***
- Sijil dan Transkrip Akademik diserahkan

PERHATIAN : WAKIL GRADUAN JUGA MELALUI PROSES YANG SAMA. SILA RUJUK PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN DALAM PERKARA 5.3 DAN 6.3

CARTA ALIR PERARAKAN MASUK GRADUAN KE PUSAT KONVENSYEN

BELAKANG PUSAT KONVENSYEN



- Berkumpul di kanopi mengikut fakulti
- Beratur mengikut program pengajian. Pastikan tag nama (diberi semasa pengambilan jubah akademik) dibawa bersama.



PERARAKAN MASUK KE PUSAT KONVENSYEN



- Tunggu arahan masuk daripada Jawatankuasa Protokol
- Pastikan graduan duduk di kerusi yang telah ditetapkan dengan tertib dan teratur.



PENGAMBILAN SKROL



- Keluar dewan mengikut program pengajian dengan senyap dan tunggu arahan daripada petugas.
- Duduk di kerusi semula selepas mengambil Sijil dan tunggu sehingga majlis tamat

KELUAR DEWAN



- Keluar dewan dengan tertib selepas tamat majlis.

SEMAKAN BORANG BERKAITAN KONVOKESYEN

BIL	NAMA BORANG	SEMAKAN TANDAkan (/)
1.	BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN MAJLIS KONVOKESYEN KUIS (BPA_PEP_36)	
2.	BORANG PENGESAHAN BAYARAN GRADUASI (BPA_PEP_37)	
3.	BORANG SURAT KUASA PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK (BPA_PEP_38) <i>*Sekiranya graduan mewakilkan pihak lain untuk mengambil Sijil dan transkrip akademik</i>	
4.	BORANG WAKIL PENGAMBILAN / PEMULANGAN JUBAH (BPA_PEP_39) <i>*Sekiranya graduan mewakilkan pihak lain untuk mengambil jubah</i>	
5.	BORANG PENGESAHAN PENGECUALIAN YURAN GRADUASI (BPA_PEP_40) <i>*Bagi graduan KUIS sahaja yang memperolehi HPNG 3.75 dan keatas</i>	
6.	BORANG PENGESAHAN LEWAT PULANG JUBAH (BPA_PEP_41)	
7.	CETAKAN SLIP PENGESANAN KAJIAN GRADUAN (TRACER STUDY)	

Nota: Bil 1 hingga 6 boleh juga diperolehi di laman web KUIS www.kuis.edu.my



Disediakan Oleh :
Jawatankuasa Graduasi
Majlis Konvokesyen
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor